

Varsiti Islam: Kertas kerja disiapkan

KUALA LUMPUR, Khamis — Satu kertas kerja mengenai penubuhan Universiti Islam Antarabangsa sedang disiapkan oleh jawatankuasa pemandu dan dijangka siap tidak lama lagi.

Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud berkata, jawatankuasa itu juga akan mengkaji bidang kursus serta tugas-tugas asas pelaksanaan universiti tersebut.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Yayasan Tunku Abdul Rahman di sini hari ini, beliau berkata, jawatankuasa itu telah mengadakan rundingan dua kali setakat ini membincangkan perkara yang menjadi kebanggaan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekembalinya dari lawatan rasmi ke negara-negara Teluk awal Mac lalu berkata, Malaysia akan menjadi tumpuan para sarjana dan pelajar dari seluruh negara Islam apabila universiti itu mula mengambil pelajarannya tahun depan.

Universiti itu akan menggunakan dua bahasa pengantar, Bahasa Arab dan Inggeris. Bahasa Malaysia mungkin digunakan di peringkat pentadbiran.

Buat permulaan, para pelajar akan ditempatkan di satu bangunan sementara yang lengkap dengan kemudahan sebelum berpindah ke kampus tetap universiti yang akan dibina.

Datuk Dr. Sulaiman enggan mengulas bila ditanya dimanakah tapak universiti itu akan dibina.

Bagaimanapun, katanya pihaknya telah menerima beberapa cadangan tempat yang

sesuai untuk dijadikan tapak universiti tersebut.

"Terpulanglah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir mengumukannya," jelasnya lagi.

"Segala-galanya masih dalam perbincangan oleh jawatankuasa yang terdiri dari wakil-wakil beberapa kementerian, universiti serta mereka yang mempunyai latar belakang agama yang tinggi," tambah Datuk Dr. Sulaiman.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2524
No. Penerimaan 268/85